Oleh yang demikian, salah satu daripada keperluan pendidikan semasa negara pada masa kini adalah menggunakan media sosial yang dilihat signifikan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung antara pendidik dan pelajar. Peralihan besar ini dilihat dapat memberi kesan yang amat penting kepada pendidikan khususnya di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau Swasta yang menjadikan media sosial sebagai keperluan bagi pendidik dan pelajar. Lanjutan daripada itu, para pendidik dan pelajar seharusnya menguasai teknologi maklumat sekaligus mengaplikasikan penggunaan media sosial ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku. (Mohd. Noorhadi & Zurinah, 2017).

Melihat kepada kepentingan dan keperluan teknologi media semasa dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya Pendidikan Islam, maka kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti aplikasi media sosial yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberi kesan mendalam terhadap pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan abad ke 21 ini memberi perhatian lebih kepada aplikasi teknologi maklumat ICT untuk mencapai pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan. Umum mengetahui *Facebook* merupakan salah satu daripada aplikasi media sosial yang popular digunakan bagi tujuan saling berkenalan dan berkongsi informasi dalam kalangan pelajar dan masyarakat di jaringan sosial sehingga ia digunakan di seluruh





dunia bagi tujuan pendidikan (Boyd & Ellison, 2008). *Facebook* juga boleh dijadikan sebagai satu platform kepada pelajar dan pensyarah untuk lebih dekat dan mesra disamping mampu untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan *Facebook* secara tidak langsung dilihat mampu mendorong pelajar untuk menanam minat belajar dan aktif serta berani menyuarakan pendapat ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Ini disokong kajian yang dijalankan oleh Robin, B. (2008) yang membuktikan pelajar lebih gemar berinteraksi dalam laman sosial *Facebook* daripada komunikasi secara bersemuka terutama bagi pelajar yang pendiam.

Lanjutan dari itu, pendidikan zaman kini bersifat luas kesan daripada kemajuan teknologi komunikasi dan maklumat sekaligus menjadikan masyarakat seluruh dunia boleh mengakses informasi pada bila – bila masa tanpa had serta sempadan. Oleh itu, pendidikan melalui aplikasi media sosial atau m – pembelajaran merupakan salah satu dari alternatif yang sememangnya diperlukan oleh semua institusi pendidikan seiring dengan kemodenan dunia yang mula mengamalkan gaya hidup yang bersifat *paperless*, *wifi* dan terlalu bergantung dengan telefon pintar. Aplikasi media sosial yang terdapat dalam telefon pintar, contohnya *Whatsapp* dan *Telegram* merupakan pilihan aplikasi yang boleh menaikkan kualiti pendidikan (Lamsah, 2017).

Seterusnya, media sosial memberikan pelbagai kesan terhadap pelajar sama ada positif ataupun negatif. Menurut Jamiah et. al, (2016), berdasarkan hasil kajian kes yang dijalankan terhadap 20 responden dari sebuah Universiti Awam mendapati penggunaan media sosial membolehkan mereka mengetahui perkembangan terkini, mempelajari pelbagai perkara baru, menjimatkan kos untuk berhubung dan mengetahui serta



memantau perkembangan ahli keluarga atau rakan yang tinggal berjauhan. Namun, ia turut memberikan beberapa kesan negatif seperti membazirkan masa di media sosial dan mengabaikan tanggungjawab, terdedah kepada maklumat dan fakta yang salah, serta terdedah kepada fitnah, penipuan dan siber buli. Lamsah (2017) menyatakan, pelajar di IPT Malaysia menyedari e – pembelajaran dapat meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran walaupun ada kalanya merasa terganggu akibat kekurangan kemudahan dan capaian kepada internet.

Kaur, Abtar & Ahmed (2006) menyatakan dalam kajian mereka bahawa, pengamalan e – pembelajaran di institusi pengajian tinggi belum mencapai tahap tertinggi iaitu menggunakan pembelajaran secara atas talian. Pendapat ini juga dikuatkan melalui kajian Embi & Adun (2010) yang menyatakan, pelaksanaan e-pembelajaran masih berada pada tahap rendah. Selain itu, Nur Atiqah (2016) juga menyatakan bahawa, kebanyakan IPTA di Malaysia masih mengamalkan kaedah bersemuka semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Semenjak akhir – akhir ini, fenomena ketagihan media sosial berlaku disebabkan terdapat sesetengah pelajar yang terlalu obses dengan penggunaan media sosial (Samin, 2012). Walaubagaimanapun tidak dapat dinafikan media sosial mempunyai faedah yang besar dalam bidang pendidikan serta boleh meningkatkan komunikasi dengan guru – guru dan rakan sekelas (Mat, 2010). Namun, media sosial digunakan secara berlebihan membawa kepada hasil negatif seperti prestasi sekolah merosot, pengasingan sosial dan menghalang pencapaian pelajar terhadap perkembangan psikososial (Samin, 2012).



Menurut Balakrishnan (2016), media sosial juga memberikan kesan negatif terhadap pencapaian akademik pelajar pelajar menjadi ketagih menggunakannya. Penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharusnya diaplikasikan secara optimum seiring dengan hasrat kerajaan (Nor Ashikin, 2017). Namun garis panduan haruslah disediakan supaya para pelajar tidak menyalahgunakan media sosial ke arah perkara negatif.

Walaupun, faktor kesediaan para pensyarah juga perlu dititikberatkan dalam penerimaan dan penggunaan media sosial sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran masa ini. Faktor kesediaan ini amat signifikan dalam menjamin keberkesanan penggunaan terhadap pelajar (Nor Ashikin, 2017).

Fatinah (2016) menyatakan bahawa, ketidaksesuaian penggunaan media pengajaran kerap kali menyebabkan masalah timbul antara pensyarah dengan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dalam bilik kuliah.

Seiring dengan perkembangan teknologi dalam bidang pendidikan, setiap pelajar dan pensyarah seharusnya mempunyai telefon pintar yang membolehkan mereka untuk bekerja, belajar atau melaksanakan apa jua aktiviti melalui aplikasi yang disediakan dalam telefon pintar tanpa sempadan ruang dan waktu secara lebih mudah, selesa dan teratur. Sebagai seorang pendidik, perkara ini pastinya akan memudahkan perkongsian maklumat kepada para pelajar serta memberi kemudahan dalam melaksanakan tanggungjawab atau kerja yang diberikan (Zainal Abidin, 2014). Berdasarkan amalan pembelajaran abad ke 21, pengalaman para pendidik khususnya pensyarah dalam mengendalikan peralatan teknologi dan aplikasi secara atas talian





serta kekerapan menggunakannya amat penting dalam menentukan keberkesanan penggunaan media sosial sebagai salah satu bahan pengajaran dan pembelajaran. Sesi pengajaran dan pembelajaran akan mudah untuk disampaikan sekiranya pensyarah cekap serta mahir dalam mengendalikan serta mengaplikasikan penggunaan media sosial sebagai alat bantu mengajar. Hal ini kerana, salah satu faktor yang menjadi penyumbang kurangnya minat mereka untuk melaksanakan amalan ini adalah ketidakcekan mereka dalam mengendalikan peralatan teknologi ini khususnya aplikasi media sosial (CAP e-Pembelajaran, 2014).

Lanjutan itu, pelajar dan pensyarah lebih suka untuk menggunakan peralatan teknologi serta aplikasi media sosial yang mereka sudah mahir kerana mereka biasa menggunakannya. Ini sekaligus boleh menyebabkan minat pensyarah berkurangan terhadap menggunakan aplikasi media sosial yang terkini yang rata – rata penggunaanya terdiri daripada golongan pelajar. Ini akan memberi kesan kurangnya penglibatan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ketidakcekan pensyarah dalam menggunakan aplikasi media sosial yang terkini (Brian, 2014). Ini disokong oleh Han & Chin (2012) dalam kajian mereka, ketidakcekan penggunaan teknologi terkini oleh pengajar yang bersifat kurang menarik menjadi penyebab dan punca pelajar malas dan kurang untuk turut serta dalam perkongsian idea semasa perbincangan dijalankan.

Selain itu, menurut Jamaluddin (2013), ketiadaan disiplin dalam diri pelajar, pengurusan masa yang tidak efisien dan tiada dorongan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa menjadi faktor pelajar sekolah sering terlibat dalam isu ketagihan media sosial. Aziz (2013) menyatakan bahawa, individu yang gemar





menggunakan media sosial secara berlebihan akan lebih suka untuk bersendirian dan kurang untuk berinteraksi secara bersemuka sekaligus menjadikan mereka antisosial. Cummings, Butler & Kraut (2002) menyatakan, kadang kala interaksi atau jalinan melalui atas talian menjadi lebih mesra dan lebih rapat pada awal perkenalan berbanding secara bersemuka. Ini diantara kesan penggunaan medium atas talian yang mengurangkan formaliti.

Seterusnya, di zaman ledakan teknologi dan globalisasi yang penuh mencabar ini telah menjadikan pembangunan pendidikan turut mengalami beberapa perubahan seiring dengan kemajuan teknologi. Para pelajar dan pendidik seharusnya menguasai teknologi maklumat terutama semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (Robiah & Nor Sakinah, 2007). Woolnough (1993) menyatakan, sistem pendidikan yang semakin moden kini memerlukan penggunaan teknologi bagi menarik minat pelajar untuk berinteraksi kerana sistem pendidikan di IPT yang sedia ada hanya bergantung sepenuhnya kepada pensyarah dan papan putih dirasakan agak kurang sesuai. Sesi pengajaran dan pembelajaran berbentuk satu hala mengekang perkembangan prestasi akademik pelajar sekaligus memberi impak yang kurang memuaskan. Kemahiran untuk mendapatkan maklumat dan ilmu semasa sesi pengajaran dan pembelajaran sama ada di bilik kuliah atau diluar kampus boleh dikembangkan sekiranya mereka dibiasakan untuk menggunakan media teknologi seperti media sosial.

Lanjutan daripada huraian diatas, penggunaan media teknologi maklumat seperti media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan. Ini disokong oleh Mohd. Noorhadi (2017) yang menyatakan,





pendidik perlu kreatif dan inovatif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bagi memupuk minat belajar dalam kalangan pelajar. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah teknologi moden seperti media sosial dapat untuk merangsang proses pengajaran dan pembelajaran serta sekaligus menggalakkan proses penghayatan pelajar. Pelajar akan berminat untuk terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berasa seronok sekiranya guru atau pensyarah menggunakan media teknologi maklumat dan komunikasi seperti media sosial. Azwan et. al, (2005) menyatakan dalam konteks pendidikan zaman sekarang, teknologi maklumat adalah jaringan elektronik yang memainkan peranan dalam mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampaikan maklumat secara berkesan, cekap, cepat dan meluas bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.



Namun, menurut Mohaiadin (2000), terdapat segelintir pensyarah yang tidak setuju dan kurang gemar dengan penggunaan serta pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian disebabkan mereka kurang yakin dengan diri sendiri serta keberkesanan aplikasi media sosial yang disediakan. Hal ini mungkin kerana oleh strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pertemuan fizikal di dalam bilik kuliah seringkali diamalkan dan dijalankan oleh para pensyarah (Abdul Kassim, 2005).

Seterusnya, dalam kajian Noreliana (2012) menyatakan, pelajar susah untuk faham apabila bahan pengajaran hanya berunsurkan teks dan angka sahaja walaupun pendidikan zaman kini berfokuskan kepada teks dan angka. Oleh itu, dengan adanya teknologi seperti multimedia dan media sosial masalah seperti ini akan dapat diatasi sekiranya proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan memasukkan





unsur pelbagai deria seperti audio, video, animasi, teks dan grafik. Seiring dengan dunia teknologi dan informasi masa kini, sistem pendidikan negara perlu melakukan anjakan paradigma dengan mengamalkan penggunaan teknologi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan multimedia semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan adalah sebagai salah satu daripada pilihan bagi para pendidik dalam mempelbagaikan cara pengajaran di dalam kelas. Ia bertujuan untuk membantu para pelajar agar dapat memahami isu pembelajaran secara baik dan berkesan namun bukan bertujuan untuk menggantikan tempat guru (Rozinah, 2002).



Seterusnya, Che Su et.al, (2014) menyatakan, komunikasi ibubapa bersama anak turut mengalami perubahan jika dibandingkan dahulu komunikasi berlaku secara bersemuka. Namun kini pelbagai saluran komunikasi yang menggunakan aplikasi media sosial boleh digunakan. Anak – anak zaman kini mencari informasi melalui internet dan rakan – rakan di atas talian berbanding pada masa dulu ibubapa yang memainkan peranan sebagai sumber informasi utama. Ada juga segelintir ibubapa yang juga menggunakan media sosial untuk berinteraksi dengan anak-anak serta mengawal perilaku dan akhlak mereka. Ini memberi kesan terhadap institusi kekeluargaan apabila menganggap komunikasi bersemuka kurang penting.

Dalam kajian Che Su et.al, (2014) juga ada menyatakan ketagihan dalam penggunaan aplikasi media sosial seperti Facebook boleh memberi implikasi yang





negatif kerana ia boleh menyebabkan pengguna mengalami ketagihan terhadap aplikasi media sosial tersebut. Ia juga memberi kesan terhadap timbulnya masalah dan komunikasi yang mencabar sehingga wujudnya ruang pemisah terhadap semua peringkat umur. Ini menyebabkan komunikasi antara generasi berkurangan, pemisahan budaya dalam masyarakat, perbezaan pola pandangan juga hubungan antara ibu bapa dan anak.

Seterusnya, dunia hari ini dikejutkan dengan fenomena virus Corona atau lebih dikenali sebagai COVID-19 yang menyerang sistem imunisasi tubuh badan manusia. Kemunculan virus telah menyebabkan kelumpuhan terhadap dunia dari pelbagai aspek terutamanya ekonomi dan pendidikan. Semua institusi pendidikan tanpa terkecuali diarahkan untuk tutup bagi menjaga penjarakan sosial berikutan dengan penularan wabak COVID-19 ini. Oleh yang demikian, perkara ini memberi kesan yang negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran daripada berjalan.

Di Malaysia, kerajaan telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan bagi Fasa Pertama bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020 (Kenyataan Media Majlis Keselamatan Negara, 18 Mac 2020). Kesannya, rakyat digalakkan untuk berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk keluar membeli barang keperluan dan mengamalkan penjarakan sosial antara satu sama lain sejauh satu meter bagi mengelakkan jangkitan virus Corona. Bukan itu sahaja, perintah kawalan pergerakan ini juga melibatkan penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti. Penutupan semua





institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan (perutusan khas YAB Perdana Menteri, 16 Mac 2020). Namun, institusi pendidikan seperti sekolah serta insituti pengajian tinggi dibawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil langkah inisiatif untuk mengadakan kelas atas talian yang melibatkan penggunaan media sosial seperti *Whatsapp*, *Telegram* dan *Facebook*. Ini bagi memastikan murid serta pelajar tidak terjejas pelajaran mereka disebabkan penularan wabak ini.

Seterusnya, kesan daripada pelanjutan tempoh PKP Fasa 1 yang bermula 18 Mac 2020 telah menyebabkan proses PdP berlaku secara atas talian dan telah menjadi satu keperluan dan bukan lagi pilihan. Para pensyarah perlu melengkapi diri dengan kebolehan teknologi maklumat, penilaian dan juga ilmu pengajaran. Antara perkara yang perlu dititikberatkan adalah akses capaian internet dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pensyarah perlu menetapkan kaedah PdP yang bersesuaian jika terdapat pelajar yang mempunyai masalah sebegini. Contohnya, jika pensyarah merasakan ingin melaksanakan pengajaran secara terus, misalnya menggunakan *Google Meet* tidak sesuai, namun pensyarah boleh meneruskan pengajaran dengan menghantar rakaman video pengajaran melalui *Whatsapp*, *Telegram* dan lain – lain media sosial (Siti Balqis & Muniroh, 2020).

Lanjutan itu, semasa tempoh pergerakan akibat pandemik Covid – 19 ini, PdP secara atas talian bukan lagi pilihan tapi keperluan. PdP norma baru ini merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi sekarang



malah akan dating. Kesan penularan wabak Covid – 19 yang melanda, pertemuan secara bersemuka antara pensyarah dan pelajar terpaksa dilaksanakan secara atas talian melalui aplikasi yang sesuai untuk menyokong pembelajaran norma baru ini (Nor Aidawati & Mazidah, 2021).

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengenal pasti tujuan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPT.
- ii. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.
- iii. Mengenal pasti faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.



iv. Melihat hubungan antara tujuan penggunaan media sosial dengan persepsi pelajar terhadap sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

v. Menganalisis perbezaan demografi pelajar Pendidikan Islam dengan faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar.

1.5 Soalan Kajian



Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui perkara – perkara berikut :

i. Apakah tujuan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPTA?

ii. Sejauh manakah persepsi sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terhadap pelajar?

iii. Apakah faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?



iv. Apakah hubungan antara tujuan penggunaan media sosial dengan persepsi pelajar terhadap sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam?

v. Apakah perbezaan demografi pelajar Pendidikan Islam dengan faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar?

1.6 Hipotesis Kajian

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis dalam kajian ini adalah seperti berikut :

H_o^1 : Terdapat perbezaan antara jantina responden terhadap faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam berdasarkan demografi.

H_o^2 : Terdapat perbezaan antara institusi pengajian tinggi terhadap faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Ho³ : Terdapat perbezaan antara tahun pengajian responden terhadap faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Ho⁴ : Terdapat perbezaan antara tahap pendidikan responden terhadap faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

Ho⁵ : Terdapat perbezaan antara aplikasi media sosial yang digunakan oleh responden terhadap faktor penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.


Ho⁶ : Terdapat hubungan antara tujuan penggunaan media sosial dan persepsi pelajar terhadap sistem rangkaian media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam.

1.7 Limitasi Kajian

Tumpuan kajian ini adalah mengenai penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPT. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar Fakulti Pendidikan yang

mengambil jurusan Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan Kolej Universiti Islam Selangor.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini melihat kepada tujuan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar Pendidikan Islam di IPT seperti menggunakan sebagai hiburan atau tujuan pendidikan dan mendapatkan maklumat. Ini bagi melihat keberkesanan sistem rangkaian media

sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terhadap pelajar. Akan tetapi, beberapa faktor yang mempengaruhi penerimaan dan kepercayaan pelajar terhadap media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam turut diambil kira. Hasilnya dilihat pada penggunaan media sosial sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di IPT.

1.9 Definisi Operasi Kajian

Bahagian ini membincangkan definisi istilah – istilah yang digunakan dalam tajuk kajian ini.

1.9.1 Media sosial

Media sosial merupakan sejenis media yang digunakan terus secara atas talian dengan membolehkan para pengguna dengan mudah untuk menyertai, berkongsi dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, wiki, forum dan dunia virtual (Norazlah & Normaliza, 2017). Antara aplikasi media sosial yang biasa digunakan oleh masyarakat di seantero dunia adalah blog, rangkaian sosial dan wiki (Ahlqvist et. al, 2008). Andreas et. al (2010) memberi makna media sosial adalah satu kelompok atau gabungan aplikasi berasaskan internet yang dibangunkan bagi memenuhi ideologi dan teknologi Web 2.0 serta membolehkan penciptaan dan pertukaran. Norazlah & Normaliza (2007) juga

menyatakan media sosial yang berasaskan internet mampu untuk menarik minat individu yang sukakan hedonisme atau keseronokan sambil memberi respon secara terbuka, menyuarakan pendapat di ruangan yang disediakan dan bertukar informasi tanpa mengira waktu dan tidak terhad.

Menurut Mohammad Rezal (2016), media sosial adalah aplikasi yang berteraskan teknologi Web 2.0 yang membantu para pengguna dalam menghasilkan kandungan dalam pelbagai bentuk seperti teks, audio dan video serta boleh bertukar bahan dengan pengguna yang lain. Media sosial juga dapat ditakrifkan sebagai aplikasi yang mengumpulkan pelbagai peranan sosial seperti kerjasama, perkongsian, kebebasan, keterbukaan, interaktif dan penglibatan.

Dalam kajian ini, media sosial yang dipilih adalah *Whatsapp, Wechat, Twitter, Facebook, Instagram, Telegram, Youtube* dan *Blog*. Hal ini kerana, rata – rata pelajar menggunakan aplikasi media sosial ini dalam kehidupan seharian disamping menggunakannya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran khususnya Pendidikan Islam.

1.9.2 Bahan

Bahan didefinisikan sebagai semua kelengkapan atau peralatan yang digunakan oleh guru dan pelajar sebagai alat bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan sama ada di dalam atau luar kelas (Faizah, 2017). Dalam kajian ini, bahan merupakan peralatan yang digunakan oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunaan media sosial bagi membantu kefahaman pelajar seperti telefon bimbit dan komputer riba.

1.9.3 Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran ditakrifkan sebagai satu aktiviti atau tugas yang dilakukan oleh guru bersama pelajar. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Guru merangka pengajaran secara tersusun dengan menggabungkan beberapa kaedah dan teknik yang dirasakan sesuai dalam menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran. Di akhir pengajaran, pelajar akan mendapat hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang direncanakan sama ada dalam bentuk tersirat atau tersurat (Shahabuddin et.al, 2003).



1.9.4 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam berperanan dalam melahirkan insan yang berilmu pengetahuan dan mempunyai persamaan dengan matlamat kehidupan Islam. Pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan yang meliputi ilmu tentang hubungan antara manusia dengan penciptanya iaitu Allah S.W.T yang dizahirkan melalui ilmu-ilmu akidah dan kaedah pelaksanaan ibadah khusus. Sekaligus berperanan membentuk insan yang berilmu pengetahuan mengenai hubungan antara manusia sesama manusia melalui ilmu-ilmu ekonomi, undang-undang politik, kenegaraan dan antarabangsa, etika kebudayaan dan ilmu-ilmu natural sains dan teknologi berlandaskan dasar hidup Islam (Ab. Halim et. al, 2010). Dalam kajian ini, Pendidikan Islam merujuk kepada jurusan yang diambil oleh pelajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia dan Kolej Universiti Islam Selangor.

